

Nestlé Catatkan Prestasi Kukuh Pada S1

SOROTAN PENTING

- Perolehan bagi suku tahun yang dilaporkan meningkat sebanyak 4.2% kepada RM1.43 bilion.
- Prestasi kukuh dipacu oleh jualan domestik dan jualan eksport lebih tinggi yang masing-masing meningkat sebanyak 4.4% dan 3.4%.
- Untung Operasi bertambah sebanyak 1.3% kepada RM303 juta manakala Untung Sebelum Cukai berjumlah RM295 juta, iaitu kenaikan 1.3%.

PETALING JAYA, 24 April 2018 – Nestlé (Malaysia) Berhad memulakan tahun kewangan dengan cemerlang, mencatatkan hasil dan untung lebih tinggi bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2018.

Tinjauan Prestasi: Suku 1, 2018 berbanding Suku 1, 2017

Perolehan bagi suku tahun yang dilaporkan meningkat kepada RM1.43 bilion, iaitu kenaikan 4.2% berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Prestasi ini diterajui oleh jualan domestik dan jualan eksport yang kukuh.

Menurut En. Alois Hofbauer, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, “Kami berbesar hati untuk mengumumkan bahawa kami terus memacu pertumbuhan pada suku tahun yang dilaporkan. Prestasi kami adalah berlandaskan strategi FIT kami yang berterusan, yang disokong oleh tiga tunggak iaitu ‘Menjana Demi Pertumbuhan’, ‘Inovasi Demi Pertumbuhan’ dan ‘Transformasi Demi Pertumbuhan’. Strategi yang berkesan ini telah menyumbang kepada pertumbuhan mampan Kumpulan, seterusnya membolehkan kami meningkatkan kecekapan dan produktiviti.”

“Pelaburan kukuh kami dalam inisiatif-inisiatif pemasaran dan promosi telah meningkatkan jualan. Sejajar dengan ini, inovasi kekal sebagai salah satu daripada pemacu pertumbuhan utama Kumpulan. Kami suka cita kerana dapat menarik minat rakyat Malaysia dengan lebih banyak produk yang inovatif dan lazat pada suku tahun yang dilaporkan,” beliau berkata.

Keputusan positif Kumpulan disokong oleh aktiviti pemasaran dan promosi strategik dalam tempoh Tahun Baru Cina pada suku tahun yang dilaporkan. Untung Operasi meningkat sebanyak 1.3% kepada RM303 juta manakala Untung Sebelum Cukai berjumlah RM295 juta, iaitu kenaikan 1.3%. Perolehan lebih tinggi ini juga mengimbangi harga komoditi lebih tinggi dan pelaburan pemasaran lebih tinggi sepanjang tempoh Tahun Baru Cina.

Prospek

En. Hofbauer berkata, “Kami gembira kerana telah memulakan tahun kewangan dengan kukuh. Selain mencatatkan keputusan kewangan yang lebih baik, kami bertekad untuk memenuhi matlamat Nestlé dalam usaha meningkatkan kualiti kehidupan dan menyumbang ke arah masa depan yang lebih sihat untuk semua rakyat Malaysia. Syarikat kami telah memupuk generasi rakyat Malaysia selama lebih daripada 100 tahun. Sudah pastinya kami merancang untuk membangun bersama negara yang indah ini untuk 100 tahun akan datang. Sejajar dengan ini, kami berhasrat untuk terus membawakan makanan berkhasiat kepada rakyat Malaysia dengan pilihan yang lebih sihat dan lazat, disokong oleh pelbagai inisiatif dan aktiviti untuk menggalakkan gaya hidup lebih aktif.”

“Walaupun tahun yang mendatang dijangka mencabar, kami yakin bahawa strategi jangka panjang FIT, portfolio jenama kukuh, modal insan yang berbakat dan tumpuan berterusan terhadap inovasi akan terus menyumbang kepada pertumbuhan Syarikat kami yang mampan dan menguntungkan,” rumus En. Hofbauer.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad
(+603) 7965 5185
+6012-353 1337

E-mel: Maxine.Lim@my.Nestle.com

Tel:

Joanne Lim atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348
+6012-304 7604 (Joanne) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my